

at
t banjir

HARIAN METRO

HARIAN METRO

>> Sekolah dipenuhi lumpur selepas banjir mulai surut



ORANG ramai serta bomba dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) membersihkan SK Seri Banai.



FOTO: APM/110110
IBU bapa turut serta membersihkan kawasan sekolah.

BAH MELANDA

KORBAN CUTI CUCI SEKOLAH

■ Murid bantu bersih blok kelas supaya boleh guna secepat mungkin

Aizat Sharif
mohd.aizat@hmetro.com.my

Jitra

“Walaupun kami dibenarkan bercuti kerana sekolah banjir, kami tetap juga mahu membantu membersihkan blok kelas di sekolah ini supaya ia dapat digunakan secepat mungkin.”

Begitu kata murid Sekolah Kebangsaan (SK) Seri Banai, Muhammad Adam Hakimi Ismail, 12, yang bersama-sama rakannya mengorbankan cuti khas mereka untuk kembali ke sekolah untuk memberihkannya.

Dia yang baru saja selesai menduduki Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) beberapa minggu lalu mengambill keputusan membantu guru, ibu bapa dan anggota bomba dan penyelamat dari Balai Bomba dan Penyelamat Jitra membersihkan kawasan sekolah yang masih digenangi air.

“Banjir di kawasan ini te-



“**K**ita jangkakan ia akan dapat segera surut berdasarkan cuaca yang begitu baik pada kelmarin (Sabtu) dan semalam (kelmarin), apabila ia sudah surut dapatlah sekolah ini dibuka semula.”

Abdul Razak Muda

rutama di sekolah ini dah selalu terjadi, tapi tidaklah seteruk pada tahun ini sampai habis pekarangan sekolah ini dinaiki air.

“Jadi, saya ambil keputusan pergi ke sekolah hari ini (semalam) untuk bantu membersihkan longkang serta bilik kelas di beberapa bangunan blok sekolah yang masih ditakungi air,” katanya ketika ditemui di SK Seri Banai, di sini, semalam.

Menurutnya, selain mengeluarkan meja dan kerusi di kelas yang dinaiki air itu, me-

reka turut membawa keluar buku latihan murid sekolah itu untuk diletakkan di tempat yang tinggi dan selamat.

Seorang lagi murid sekolah itu, Muhammad Rifki Mohd Imran, 8 berkata, apabila banjir melanda, seluruh kawasan ini sudah menjadi seperti laut.

“Apa yang kami takut ada ialah jika ada ular berbisa yang hanyut ke sekolah ketika banjir melanda dan syukur juga ada pihak bomba yang datang ke sekolah ini,” katanya ketika ditemui.

Sementara itu, Penolong Kanan (Pentadbiran) SK Seri Banai, Mafeezul Mohamad berkata, pihak pentadbiran sekolah sudah bersedia dari awal ketika hujan tidak berhenti melanda kawasan berkenaan.

“Ini berdasarkan pengalaman lalu juga terutama pada banjir besar 2010 di mana sekolah ini juga tidak terkecuali menerima tempias banjir besar berkenaan,” katanya.

Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Kedah, Penolong Kanan Pesuruhjaya Bomba Abdul Razak Muda berkata, pihak bomba kini sedang memantau keadaan air yang masih bertakung di kawasan sekolah ini.

“Kita jangkakan ia akan dapat segera surut berdasarkan cuaca yang begitu baik pada kelmarin (Sabtu) dan semalam (kelmarin) dan apabila ia sudah surut dapatlah sekolah ini dibuka semula.

“Kehadiran kita untuk membantu pihak sekolah membersihkan kawasan di sekolah ini yang dipenuhi lumpur selepas banjir surut,” katanya.